

M-Classroom App

Wan Norina Wan Hamat
Dr. Ahmad Fkrudin Mohamed Yusoff

Politeknik Ungku Omar

wnorina@polycc.edu.my

Abstrak

Pengurusan kelas yang sistematik dapat menghasilkan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang bermakna kepada pelajar dan pensyarah. Oleh itu, inovasi ini dibangunkan bertujuan memberi kemudahan kepada pelajar dan pensyarah untuk merujuk dokumen berkaitan kursus sepanjang semester. Inovasi ini dinamakan M-Classroom App (M Management) merujuk kepada aplikasi pengurusan kelas yang bercirikan interaktif dan informatif, dibangunkan sebagai bahan bantu untuk pengurusan PdP yang sistematik dengan menggabungkan beberapa alat (tools) seperti Mylink, Canva, Googlemeet, Padlet, Telegram, Anyflip, Google Studio, G.sheet, Wakelet, Whatsapp dan Flipgrid dalam satu aplikasi. Kandungan aplikasi ini terdiri dari course outline, arahan tugas, rubrik pentaksiran, penghantaran tugas yang mengandungi ruangan komen penambakan dari pensyarah, senarai ahli kumpulan beserta topik tugas, nota-nota kursus yang interaktif, aktiviti-aktiviti atas talian, e-kehadiran kelas dan pautan hubungi pensyarah. Aplikasi ini dibangun menggunakan kaedah penyelidikan rekabentuk dan pembangunan (DDR) yang mengandungi tiga fasa, iaitu fasa pertama membuat analisis terhadap keperluan pengguna tentang inovasi ini, manakala fasa kedua pula proses mereka bentuk aplikasi berdasarkan hasil analisis keperluan dan elemen-elemen dalam aplikasi ini disahkan oleh pakar, dan fasa ketiga membuat penilaian terhadap reka bentuk inovasi ini terhadap pengguna. Hasil dari penilaian kajian kebolegunaan aplikasi ini terhadap 125 orang pelajar yang menggunakan aplikasi ini menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.16. Manakala hasil temu bual yang dilakukan terhadap empat orang pensyarah mendapati, mereka menyatakan bahawa aplikasi ini sangat membantu secara efisien dalam mengurus proses PdP sepanjang semester. Daripada hasil kajian tersebut menunjukkan inovasi ini amat sesuai dengan situasi sekarang dan juga berpotensi digunakan pada masa akan datang kerana ia juga boleh digunakan dalam kuliah bersemuka atau tidak bersemuka.

Kata kunci: M-Classroom App, Pengurusan kelas dan dokumen PdP.

M-Classroom App

ABSTRAK

M-Classroom App merupakan satu inovasi digital yang dibangunkan khas untuk memudahkan pelajar dan pensyarah dalam menguruskan dokumen utama seperti Course Outline, Arahan dan rubrik Penilaian Berterusan (PB), penghantraan PB, contoh-contoh PB, nota-nota berkaitan, tugas dan aktiviti-aktiviti atas talian dan sebagainya bagi kursus yang diajarkan sepanjang semester.

Metod: Menggunakan pendekatan DDR 3 fasa. Fasa pertama menganalisis keperluan dengan menemubual 4 orang pensyarah dan 10 orang pelajar tentang pembangunan M-Classroom Apps. Fasa kedua proses mereka bentuk isi kandungan dengan semakan 4 orang pakar iaitu pakar bahasa, isi kandungan, grafik dan design. Fasa ketiga: membuat penilaian terhadap pembangunan M-Classroom App.

Dapatan: Kajian kebolehgunaan aplikasi ini terhadap 125 orang pelajar yang menggunakan aplikasi ini menunjukkan nilai min berada pada tahap yang tinggi iaitu 4.16. Manakala hasil temu bual yang dilakukan terhadap empat orang pensyarah mendapati mereka menyatakan bahawa aplikasi ini sangat membantu secara efisien dalam mengurus proses PdP sepanjang semester.

OBJEKTIF

- 1 Membangunkan aplikasi pengurusan kelas secara digital berbentuk interaktif, informatif dan kreatif.
- 2 Membangunkan aplikasi yang memberi akses maklumat dengan penggunaan pelbagai fungsi dalam satu platform.
- 3 Menerapkan pendekatan pedagogi berdasarkan Pendidikan 4.0 selaras perkembangan Revolusi Industri

NILAI TAMBAH

1 MENERAPKAN TEORI MINIMALISME

Elemen persembahan halaman utama menarik, mengandungi nota interaktif, latihan online, aktiviti sokongan dan dokumen utama yang ringkas, tepat, padat dan berfokus.

2 ELEMEN MULTIMEDIA

Menerapkan elemen multimedia seperti grafik, teks & video melalui capaian link & QR code sebagai akses kepada maklumat tambahan.

3 INTERAKTIF

KEBERKESANAN

Gabungan pelbagai "tools" yang sesuai dengan kaedah penyampaian serta dapat memantau keterlibatan pelajar dalam PdP.

5 DALAM TALIAN AKTIF

Pendekatan bersemuka dan dalam talian secara aktif.

4 SEMAKAN PAKAR

Telah disemak oleh pakar kesahan kandungan, grafik & reka bentuk design.

6 TIADA BEBANAN

Tiada bebanan menggunakan buku fizikal (paperless).

NOVELTY

PENYELIDIKAN REKA BENTUK DAN PEMBANGUNAN (DDR).

Fasa 1 ANALISIS KEPERLUAN

Menemubual 4 orang pensyarah dan 10 orang pelajar tentang pembangunan M-Classroom App.

Fasa 2 REKA BENTUK PEMBANGUNAN

Merekabentuk isi kandungan dengan semakan 4 orang pakar, pakar bahasa, isi kandungan, design dan grafik.

Fasa 3 PENILAIAN

Membuat penilaian terhadap rekabentuk pembangunan M-Classroom App.

KEBOLEHGUANAAN

Menjimatkan masa pelajar dan pensyarah juga sebagai bahan rujukan pembelajaran sendiri.

Pelajar dapat merujuk, menghantar tugas PB, menyemak serta menambahbaik dengan cepat pantas dan berkesan.

Digunakan sebagai modul pembelajaran "flipclassroom" kerana ia lengkap dengan nota yang interaktif, latihan pengukuhan dan maklumat tambahan.

Pautan kelas online ditetapkan sekali sahaja sepanjang semester serta semakan kehadiran secara digital.

POTENSI KOMERSIAL

1 Disebar luas serta perkongsian idea yang menarik, memudahkan dan membantu pelajar dalam pengurusan PdP.

2 Boleh diguna pakai oleh semua institusi pendidikan yang mengutamakan pembelajaran ke arah industrial 4.0.

3 Fleksibel boleh diubahsuai kandungan mengikut kesesuaian dan boleh digunakan dimana jua berada.No Pendaftaran:

LY2022W02254

MyIPO

Pendaftaran Harta Intelek Malaysia



Video Aplikasi M-Classroom App

KUMPULAN

POLITEKNIK MALAYSIA UNGKU OMAR

WAN NORINA WAN HAMAT



DR. FKRUDIN YUSOFF



AHMAD MOHAMED

Surat kami : 700-KPK (PRP.UP.1/20/1)

Tarikh : 20 Januari 2023

Prof. Madya Dr. Nur Hisham Ibrahim
Rektor
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Perak



Tuan,

PERMOHONAN KELULUSAN MEMUAT NAIK PENERBITAN UiTM CAWANGAN PERAK MELALUI REPOSITORI INSTITUSI UiTM (IR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pihak kami ingin memohon kelulusan tuan untuk mengimbas (*digitize*) dan memuat naik semua jenis penerbitan di bawah UiTM Cawangan Perak melalui Repositori Institusi UiTM, PTAR.

3. Tujuan permohonan ini adalah bagi membolehkan akses yang lebih meluas oleh pengguna perpustakaan terhadap semua maklumat yang terkandung di dalam penerbitan melalui laman Web PTAR UiTM Cawangan Perak.

Kelulusan daripada pihak tuan dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,

Setuju.

27.1.2023

SITI BASRIYAH SHAIK BAHARUDIN
Timbalan Ketua Pustakawan

PROF. MADYA DR. NUR HISHAM IBRAHIM
REKTOR
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERAK
KAMPUS SERI ISKANDAR

nar